

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) SIRIM



PERNYATAAN DASAR:

Kami komited untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) semua pekerja dan pihak berkepentingan lain, termasuk kontraktor, pembekal, vendor, pelanggan dan pelawat. Kami percaya bahawa OSH adalah sebahagian daripada perniagaan dan mengekalkannya dalam aktiviti adalah penting bagi memastikan kesinambungan dan kelestarian jangka panjang perniagaan kami.

OBJEKTIF DASAR:

1. Melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan bagi pekerja dan pihak berkepentingan lain;
2. Mematuhi semua keperluan undang-undang yang terpakai bagi mengelakkan denda dan implikasi perundangan; dan
3. Memupuk dan membina budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang kukuh dalam organisasi.

SKOP DASAR:

Dasar ini terpakai kepada:

1. Semua aktiviti, fungsi, produk dan perkhidmatan SIRIM;
2. Semua pekerja dan pihak berkepentingan lain yang merangkumi kontraktor, pelanggan, pembekal, vendor dan pelawat; dan
3. Semua premis SIRIM.

KOMITMEN KAMI:

1. Kami menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di tempat kerja bagi mencegah kecederaan dan keadaan tidak sihat yang berkaitan dengan kerja;
2. Kami mematuhi semua keperluan undang-undang OSH yang terpakai serta keperluan lain dan standard yang diguna pakai oleh SIRIM;
3. Kami berusaha untuk terus menambah baik sistem pengurusan OSH dalam seluruh organisasi kami;
4. Secara berkala, kami mengenal pasti dan menilai bahaya dan risiko di tempat kerja, menentukan dan melaksanakan langkah untuk mencegah kecederaan dan keadaan tidak sihat yang berkaitan dengan kerja;
5. Kami melaksanakan langkah kawalan operasi yang sesuai dan memperuntukkan sumber yang diperlukan; dan
6. Kami menyediakan, melaksanakan dan mengekalkan proses untuk perundingan dan pelibatan pekerja dalam sistem pengurusan OSH serta menggalakkan mereka untuk menyumbang secara aktif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya secara berterusan dan apabila difikirkan perlu.

Atas Arahan,

NIK SAZAN BIN NIK HUSSIN

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad
01 Ogos 2025